

21 SEP 1997

JEREBU: NGO ADAKAN PERHIMPUNAN DI DATARAN MERDEKA

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Sekumpulan 40 orang wakil beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) hari ini mengadakan perhimpunan di Dataran Merdeka - menggesa kerajaan mengambil tindakan segera mengatasi masalah jerebu.

Pada perhimpunan itu, Dr Sanusi Osman selaku jurucakap kumpulan yang menamakan diri mereka KABAR (Kempen Alam Bersih Aksi Rakyat) itu membacakan kandungan memorandum yang ditujukan kumpulan berkenaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kandungan memorandum itu antara lain menggesa kerajaan Malaysia dan Indonesia bekerjasama dengan tegas dan cepat bagi menghapuskan pembakaran hutan yang berlaku di Indonesia serta meminta penjelasan kerajaan mengenai bahaya dan kesan jerebu terhadap kesihatan.

Ia menggesa kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa yang turut diwakili NGO dan pakar pelbagai bidang berkaitan dengan isu jerebu untuk mengkaji punca dan kesannya.

Kerajaan juga diminta melaksanakan Rancangan Tindakan Udara Bersih dan mengisytiharkan dengan segera satu minggu khas memerangi pencemaran daripada kilang-kilang, pembakaran hutan dan sampah secara terbuka serta pencemaran asap kenderaan.

Kami juga menyeru negara-negara Asean lain bekerjasama dalam menangani masalah jerebu ini dengan memastikan syarikat-syarikat tidak melakukan aktiviti yang boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar, kata Sanusi --
BERNAMA

SN RON